

Headline	Akhirnya kami bersendirian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	445 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 17,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,591



'Akhirnya kami bersendirian'

■ **Jemaah wanita kematian pasangan di Tanah Suci tetap tabah laksana ibadah**

Jemaah haji yang kematian pasangan di Tanah Suci tetap tabah untuk menyempurnakan ibadat haji walaupun terpaksa meneruskan Rukun Islam kelima itu tanpa insan tercinta.

Sehingga semalam, empat jemaah meninggal dunia di Tanah Suci masing-masing dua di sini dan dua di Madinah.

Mereka ialah Mohamad Aman, 71, yang kembali ke rahmatullah di Madinah pada 8 Ogos lalu, Supiyah Bakar, 52, (19 Ogos/Madinah), Che Isa Che Awang, 61, (25 Ogos/Makkah) dan Kassim Palidin, 68 (28 Ogos/Makkah).

Balu Allahyarham Kassim, Norbiyah Sidin, 64, berkata, arwah suaminya meninggal sehari selepas mereka

tiba ke sini kira-kira jam 4.30 pagi 28 Ogos lalu.

"Arwah memang ada penyakit darah tinggi dan pada hari itu dia agak kepenatan dan batuk.

"Sekarang cabaran saya adalah untuk menunaikan haji tanpa suami di sisi...saya minta Allah berikan kekuatan tubuh dan sihat untuk menghadapi Hari Wukuf.

"Saya sedikit risau...sekarang pun saya demam, bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada pihak Tabung Haji kerana ambil berat. Kalau tidak susah juga sebab kita di tempat orang,"

katanya ketika ditemui selepas menerima lawatan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Seri

Abdul Azeez Abdul Rahim di Hotel Rehab Al-Janadriyah di sini, semalam.

Sementara itu, suami Allahyarham Supiyah, Mohamad Shairi Arshad, 61, berkata, dia dan anak-anak terkejut dengan pemergian isterinya berikutan arwah tidak mengalami sebarang masalah kesihatan sebelum ini.

Katanya, mereka tiba ke Madinah pada 16 Ogos dan sepanjang tiga hari sebelum itu arwah kelihatan sangat sihat dan ceria.

"Menurut laporan doktor, punca kematian arwah isteri akibat strok, bagaimanapun saya agak terkejut kerana arwah tiada rekod masalah kesihatan sebelum ini.

"Saya reda dengan ketentuan Allah... kami sempat berada di Madinah selama tiga hari dan setiap hari kami bersarapan bersama walaupun tinggal di bilik berasi-

ngan," katanya yang berasal dari Ipoh, Perak.

Sementara itu, balu Allahyarham Che Isa, Junaini Ab Rahman, 52, berkata, dia sangat terasa kehilangan arwah kerana dia seorang yang baik.

"Selepas arwah meninggal saya rasa mahu pulang saja ke Malaysia tetapi saya mengubah fikiran untuk meneruskan ibadat haji kerana saya tahu arwah mahu saya sempurnakan haji saya," katanya.

Katanya, arwah juga sangat rapat dengan cucunya yang berusia dua tahun Eman Solihin Mohd Faizal.

"Ketika saya menerima beg yang dibawa arwah ketika dia meninggal, saya menemui sepasang jubah yang dibeli untuk cucu kami yang tertera nama Eman supaya dia boleh mendoakan kesejahteraan cucu kami ketika di Tanah Suci," katanya.



Headline	Akhirnya kami bersendirian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	445 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 17,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,591



FAKTA

Setakat ini empat jemaah Malaysia meninggal dunia

ABDUL Azeez (hadapan, dua dari kiri) bertemu batu jemaah yang meninggal dunia.